

PROSES MENGHALANG PELAJAR DARIPADA MENDUDUKI PEPERIKSAAN AKHIR

Dengan sukacitanya perkara di atas adalah dirujuk. Pemakluman dan *soft reminder* ini adalah berdasarkan kepada Pekeliling Bahagian Pengurusan Akademik bertarikh 01 Februari 2018 yang dikeluarkan oleh Timbalan Rektor (Akademik & Penyelidikan) kepada semua Pegawai Akademik dan Pentadbiran Fakulti/Pusat.

Untuk memastikan proses menghalang ini dapat dilaksanakan dengan baik, beberapa perkara perlu diambil perhatian oleh semua Tenaga Pengajar, iaitu :

BIL.	PROSES MENGHALANG PELAJAR	TEMPOH	TINDAKAN
1.	Tenaga Pengajar tidak boleh menghalang pelajar tanpa memberi notis peringatan (amaran) terlebih dahulu kepada pelajar.		Tenaga Pengajar
2.	Terdapat dua jenis notis peringatan (amaran) yang terlibat :		
	<p>a) Notis amaran dari Tenaga Pengajar kursus kepada pelajar</p> <p>Ketidakhadiran pelajar adalah 20% dari jumlah keseluruhan kehadiran.</p> <p>Ini bermakna :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) 9 jam bagi mata pelajaran 3 jk. 2) 6 jam bagi mata pelajaran 2jk. 3) 3 jam bagi mata pelajaran 1jk. <p>Boleh dilakukan dengan cara :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Mengeluarkan notis bertulis dan menyerahkannya kepada pelajar atau; 2) Memaklumkan melalui MYLMS atau; 3) Menampal notis di papan kenyataan bilik pensyarah <p>Tenaga Pengajar hendaklah menyimpan semua salinan notis tersebut di dalam fail kursus.</p>	Minggu 3 sehingga Minggu 10	Tenaga Pengajar
	<p>b) Notis amaran yang dikeluarkan oleh FPPI kepada pelajar</p> <p>Tenaga Pengajar menyerahkan nama pelajar kepada Penolong Pendaftar dan Pembantu Tadbir Fakulti</p> <p>Surat Peringatan akan dikeluarkan dan diserahkan kepada penjaga pelajar melalui kiriman pos</p>	Minggu 4 sehingga Minggu 11	Tenaga Pengajar, Penolong Pendaftar, Pembantu Tadbir Fakulti
3.	Menganalisa kehadiran pelajar	Setelah dua notis amaran dikeluarkan	Tenaga Pengajar

4.	Menghalang pelajar (DHLG) melalui system e-campus	Setelah dua notis amaran dikeluarkan sehingga Minggu 12	Tenaga Pengajar
5.	Pelajar membuat rayuan	Minggu 13	Pelajar
6.	Senarai pelajar yang lulus rayuan dipaparkan di MyLMS dan mencetak Slip Kebenaran Menduduki Peperiksaan	Minggu 14	BPA
7.	Pelajar Menduduki Peperiksaan Akhir	Minggu 15	Pelajar

Adalah diharapkan agar semua Tenaga Pengajar dapat mengambil perhatian terhadap proses-proses yang dinyatakan di atas. Ini adalah penting untuk memastikan tindakan menghalang pelajar ini dilakukan mengikut SOP yang ditetapkan dan memberi kesan yang positif kepada pelajar.

Bersama-sama ini dilampirkan template Surat Peringatan Pertama dan Kedua untuk perhatian dan tindakan semua.

Sekian, terima kasih.